

12 OCT 1997

Memorandum

SEGITIGA IMT PERLU KAJI SEMULA MOU

Oleh: Hafizah Kamaruddin

IPOH, 12 Okt (Bernama) -- Semua Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai di kalangan syarikat-syarikat swasta di bawah Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) yang tidak dilaksanakan sejak beberapa tahun lepas perlu dikaji semula.

Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia cawangan Perak (DPMM Perak), Datuk Mohamad Hamdan Hazizi berkata mesyuarat Majlis Perniagaan Bersama (JBC) IMT-GT yang akan berlangsung di Ipoh pada 4 dan 5 Nov perlu dijadikan medan untuk membincangkan cara-cara melaksanakan semua MoU berkenaan.

Sejak penubuhan IMT-GT di Langkawi empat tahun lepas, 66 MoU telah ditandatangani yang membabitkan cadangan pelaburan bernilai RM18.27 bilion, khususnya kerjasama dalam sektor prasarana, hartanah dan perkilangan.

Sehingga kini, hanya 16 daripada MoU berkenaan bernilai RM200.2 juta telah dilaksanakan, kata beliau kepada pemberita di sini hari ini.

Dengan baki kira-kira 50 MoU masih belum lagi dilaksanakan, langkah-langkah perlu diambil untuk mengkaji sama ada untuk meneruskan atau membatalkan projek-projek terbabit.

Pada Februari lepas, Perdana Menteri Thailand Chavalit Yongchaiyudh telah membangkitkan isu itu dalam perbincangannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa kunjungannya ke sini.

Pada bulan Jun, Ketua Pejabat Perdagangan dan Industri (Kadin) Sumatera Utara, Haji Yopie S.Batubara berkata bahawa beliau tidak mahu MoU yang dimeterai di bawah IMT-GT disalahgunakan untuk kepentingan peribadi pihak terbabit, seperti untuk menaikkan harga saham syarikat masing-masing.

Terdapat banyak kes yang syarikat-syarikat mengaut keuntungan besar selepas mengumumkan bahawa mereka akan melaksanakan projek-projek besar di kawasan IMT-GT sungguhpun projek yang dimaksudkan itu masih belum berjalan, kata beliau.

Mengenai masalah ekonomi akibat kejatuhan nilai mata wang yang dialami di negara-negara IMT-GT, Mohamad Hamdan berkata sekarang adalah masa terbaik untuk ahli-ahli perniagaan menggunakan sepenuhnya peluang-peluang yang disediakan oleh IMT-GT bagi mempertingkatkan kemajuan ekonomi di rantau ini. -- BERNAMA

HK MZ RON